

**Negara Asean akui usaha tangani dadah amat sukar, kata TPM  
Malaysian Insider  
Oct 29, 2015**

Negara Asean mengakui usaha untuk menangani dadah amat sukar dan memerlukan bukan saja kenyataan keras tetapi tindakan yang berkesan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan perdana menteri dan menteri dalam negeri itu berkata sehubungan itu sasaran untuk melihat rantau ini bebas daripada ancaman dadah pada tahun ini merupakan suatu "fatamorgana" atau ilusi.

Beliau berkata Asean perlu mengakui sasaran yang dirangka dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Tentang Dadah (AMMD) pada 2008 itu gagal dicapai.

"Realiti yang harus dihadapi adalah soal dadah (sasaran bebas dadah) tidak mempunyai tempoh tertentu ditetapkan dan perlu mengambil langkah jangka panjang.

"Kami (mesyuarat AMMD 2015) mengambil keputusan, hasrat untuk mencapai sifar dadah tahun ini adalah suatu fatamorgana atau ilusi yang mustahil untuk dicapai," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan AMMD ke-4 di Langkawi, hari ini.

Beliau berkata semua kenyataan keras daripada setiap negara Asean perlu disusuli dengan tindakan dan Sekretariat Asean perlu memantau tindakan yang dijalankan.

Zahid berkata walaupun kehendak politik daripada negara Asean untuk melihat rantau ini bebas daripada dadah amat kuat, tetapi ia masih tidak berjaya dengan sindiket terus memenuhi permintaan pasaran.

Semua pihak sama ada polis antinarkotik dan agensi penguatkuasaan lain melakukan yang terbaik tetapi masih tidak cukup baik untuk menyelesaikan permasalahan itu, katanya.

"Negara Asean perlu 'berpijak di bumi yang nyata' masalah ini perlu dilihat dengan lebih serius," katanya dan menambah, pihaknya dapat melihat keakraban negara Asean untuk memerangi sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Sementara itu, Zahid berkata, mesyuarat mengucapkan tahniah kepada negara Lembah Mekong yang mengambil inisiatif meningkatkan taraf pembangunan di kawasan terbabit dan membebaskan penduduk daripada cengkaman kemiskinan serta penanaman pokok popi.

Negara Lembah Mekong terdiri daripada Myanmar, Laos, Thailand dan Kemboja.

Zahid berkata langkah menyediakan tanaman alternatif kepada petani di Segi Tiga Emas itu daripada menanam pokok popi kepada kenaf atau jut juga akan membantu

usaha menangani masalah dadah di rantau ini.

Usaha negara Lembah Mekong mengambil langkah proaktif dengan mengubah persepsi dan menjadikan kawasan itu sebagai lembah pembangunan amat dialu-alukan, katanya. – Bernama, 29 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/negara-asean-akui-usaha-tangani-dadah-amat-sukar-kata-tpm>